

B2K terbitkan buku ke-11, 'Antalogi Sajak Bingkisan Pandemik COVID-19'

TUTONG, Sabtu, 27 Februari. - Majlis Pelancaran Buku 'Antalogi Sajak Bingkisan Pandemik COVID-19', terbitan Badan Kesenian dan Kebudayaan (B2K) Daerah Tutong, berlangsung di Sekolah Chung Hwa Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan pelancaran buku tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Ketua Bahagian Bahasa dan Sastera B2K Tutong selaku Pengurus Majlis, Dr. Chong Ah Fok, dalam ucapannya berkata, buku tersebut merupakan buku ke-11, yang berjaya diterbitkan oleh B2K sejak tahun 2006 hingga sekarang.

Menurutnya, tujuan penerbitan buku antalogi ini, antara lain adalah untuk membantu pihak kerajaan bagi menyedarkan orang ramai akan langkah-langkah keselamatan dan SOP bagi membendung penularan wabak COVID-19.

"Dengan kata lain, sajak-sajak ini juga akan dapat menimbulkan pengajaran dan pengetahuan mengenai tata amalan yang terbaik untuk melawan virus Corona, yang dikenali sebagai COVID-19 itu, yang diperaktiskan di negara-negara seluruh dunia dan juga cara khas yang dilakukan oleh negara kita," jelas beliau.

Selain itu, tambahnya, buku ini adalah sebagai sokongan moral kepada para petugas barisan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah) bergambar ramai bersama para penulis buku 'Antalogi Sajak Bingkisan Pandemik COVID-19'.

hadapan, yang menjalankan tugas tanpa mengenal penat dan lelah.

"Dengan demikian, penulis boleh dikatakan golongan yang sama-sama memainkan peranan agar orang ramai sedar akan tanggungjawab mereka untuk menjaga diri," ujarnya.

Buku ini juga, tambahnya, sebagai sumbangan penulis dunia sastera dalam membina tamadun bangsa, di samping sama-sama memerangi COVID-19.

"Penulisan memang lahir daripada minat seseorang manusia, tetapi apa yang dilahirkannya itu

adalah merupakan harta yang berharga kepada negara," ujarnya.

Menyedari hal itu, jelasnya, negara yang bertamadun di dunia sanggup menganugerahkan penulis dengan puluhan ribu ringgit terhadap hasil karyanya, yang sudah pasti akan menjadi mercu tanda budaya sesebuah negara.

"Kami berharap dengan adanya usaha seperti ini, makin ramai penulis yang akan lahir dan satu massa nanti akan mendapat anugerah di dalam dan di luar negara," katanya.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan cenderamata kepada para penulis buku 'Antalogi Sajak Bingkisan Pandemik COVID-19'.

Seramai 13 penulis dari Daerah Tutong, sama ada bermastaun, berasal atau mempunyai pertalian keluarga bersama penduduk di Daerah Tutong menghantar karya

mereka untuk dibukukan, bermula pada bulan Mac 2020 hingga pertengahan Mei 2020.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong; dan Yang Berhormat Awang Ramli bin Haji Lahit.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammd Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Hari Terbuka UNISSA tawar pelbagai program

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 27 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Hari Terbuka UNISSA selama dua hari bermula 24 hingga 25 Februari 2021 lalu bertempat di Dewan Auditorium UNISSA.

Hari Terbuka UNISSA ini diadakan adalah bertujuan untuk

memberi peluang kepada orang ramai terutama ibu bapa dan pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi untuk mendapatkan maklumat mengenai program-program yang ditawarkan di samping memberikan maklumat prosedur permohonan serta kelayakan

yang bersesuaian.

Antara yang dipaparkan sepanjang Hari Terbuka UNISSA ialah pameran program-program yang ditawarkan daripada tujuh buah fakulti di UNISSA dan beberapa pusat akademik yang merangkumi Program Ijazah Diploma Tertinggi Kebangsaan, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan juga Ijazah Doktor falsafah.

Dalam usaha ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, UNISSA memperkembangkan lagi bidang ilmu pengetahuan dan kepakaran selaras untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kualiti kehidupan yang tinggi, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dengan membuka dua fakulti baharu iaitu Fakulti Teknologi Islam dan Fakulti Pertanian.

Fakulti Teknologi Islam menawarkan program Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang Teknologi Media dan Komunikasi Islam. Manakala Fakulti Pertanian menawarkan program Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah Sains Dalam Pertanian (Agrisbisnes).

Di samping itu, UNISSA juga menawarkan program-program yang sedia ada mengikut keperluan negara dan semasa melalui fakulti akademik yang lain seperti Fakulti Syariah dan Undang-Undang,



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norfarhan bin Haji Zainal meninjau salah satu pameran program yang ditawarkan di UNISSA.

Fakulti Usuluddin, Fakulti Bahasa Arab, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam. UNISSA juga membuka tawaran di bawah pusat akademik iaitu Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban dan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i.

Pada tahun ini, Hari Terbuka UNISSA disemarakkan dengan Bazar Jualan Amal bersempena dengan Program Sedekah Week : Ukhwah for Ummah kali yang kedua diadakan dan diungkayahkan oleh mahasiswa-mahasiswa Fakulti Syariah

Undang-Undang (FSU).

Bazar Jualan Amal ini berlangsung selama empat hari bermula 24 hingga 27 di Dewan Gimnasium, UNISSA. Pada kali ini, sebanyak 27 pengusaha tempatan menyertai program ini termasuk mahasiswa dan mahasiswa UNISSA.

Antara lain Sedekah Week 2.0 ini diadakan adalah bertujuan untuk menaikkan Dana Tabung Ta'wun sebagai bantuan dan bantuan kepada pelajar UNISSA yang berkeperluan dan juga bagi membantu pengusaha tempatan untuk menjadi lebih proaktif dalam bidang keusahawanan.



PENERANGAN mengenai program-program yang ditawarkan di UNISSA dan maklumat tentang prosedur permohonan serta kelayakan yang bersesuaian.